

Fokus mobiliti sukarelawan pelajar

► MPP UMS sertai Asean University Youth Summit

UB 31-1-2014 BI

PEMIMPIN Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) hadir mewakili Universiti Malaysia Sabah (UMS) ke *Asean University Youth Summit* bertempat di Universiti Utara Malaysia (UUM), Kedah yang berakhir kelmarin.

Delegasi MPP yang diketuai Presidennya, Mohd. Al-Farid Abraham menyertai program itu yang diadakan bersempena pemilihan Malaysia sebagai negara hos untuk Asean.

Ketika dihubungi, Farid berkata program berkenaan

telah memfokuskan perbincangan mengenai usaha negara Asean untuk menerajui mobiliti pelajar dalam aspek kesukarelawan.

“Pengalaman menyertai program berbentuk forum ini amat bermanfaat apatah lagi kami dapat bertukar pendapat berhubung isu-isu dan cadangan ke arah penambahbaikan dalam aktiviti yang melibatkan kesukarelawan.

“Kita juga berbangga kerana UMS terpilih untuk mewakili Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA)

selain Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan Yayasan Sukarelawan Siswa Malaysia pada program yang mendapat penyertaan 50 universiti dari negara-negara Asean seperti Kemboja, Indonesia, Filipina, Thailand dan Brunei,” katanya, sambil memberitahu program berkenaan turut dihadiri wakil dari Korea Selatan sebagai negara jemputan.

Farid berkata, segala input yang diperolehi mampu memberi impak kepada pembangunan dalam



SESI fotografi bersama Dato' Seri Mukhriz Mahathir.

aspek kesukarelawan khususnya dalam kalangan pelajar UMS dan siswa-siswi Malaysia.

Turut mewakili Universiti Malaysia Sabah ialah Asmah Kadir dan Monisa Amri yang merupakan Exco Kebajikan dan Khidmat Mahasiswa MPP UMS.

Majlis perasmian telah disempurnakan Menteri Besar Kedah, Dato' Seri Mukhriz Mahathir.



SUASANA sidang forum.

FARID dalam sesi forum
berhubung mobiliti belia
Asean dan cadangan-
cadangan mengenai aspek
kesukarelawan.

